

**PANDANGAN MUFTI TANPA WARTA DALAM ISU KONSERT KUMPULAN
COLDPLAY ADALAH PANDANGAN PERIBADI ATAU FATWA: SATU ANALISIS**

Nadiah Mohd Zin*

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Melaka
nadiah_mohdzin@unimel.edu.my

*Corresponding author

Received Date: 24 October 2023

Accepted Date: 25 November 2023

Published Date: 27 December 2023

ABSTRAK

Baru-baru ini Malaysia telah dilanda kontroversi ekoran kehadiran kumpulan penyanyi *Coldplay* yang telah menimbulkan kegusaran rakyat Malaysia yang beragama Islam. Hal ini kerana kumpulan ini seringkali mempromosi *anasir* LGBT pada kebanyakan konsert mereka. Mufti Wilayah Persekutuan iaitu Datuk Prof. Madya Dr. Luqman Abdullah menasihati masyarakat Malaysia terutamanya pengikut beragama Islam supaya tidak menyokong konsert tersebut kerana agenda kumpulan ini bertentangan dengan nilai murni dan *uruf* masyarakat di negara ini terutamnya orang Islam. Kajian ini membincangkan tentang konsep institusi fatwa yang terdapat di dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Akta 505 yang digunakan di Wilayah Persekutuan dan enakmen-enakmen negeri yang terpilih. Selain itu, kajian ini turut mengkaji peranan serta fungsi institusi fatwa serta melihat sejauhmana fatwa yang telah dikeluarkan dapat digunakan oleh masyarakat. Metod yang digunakan ialah analisis kandungan yang dikumpul melalui akta, enakmen, fatwa dan kajian kepustakaan selain menganalisa artikel dan jurnal kajian yang sedia ada. Kajian mendapati bahawa pandangan yang diberikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan hanyalah sekadar pandangan peribadi semata-mata kerana ia tidak diwartakan seperti yang diperuntukkan dalam Akta, Enakmen atau Ordinan.

Kata Kunci: Fatwa, Pandangan Mufti, Tanpa Warta

Pandangan Mufti Tanpa Warta dalam Isu Konsert Kumpulan Coldplay adalah Pandangan Peribadi atau Fatwa: Satu Analisis

MUFTI'S VIEWS WITHOUT GAZETTE IN COLDPLAY BAND'S ISSUE ARE PERSONAL VIEWS OR FATWA: AN ANALYSIS

ABSTRACT

Recently, Malaysia received the presence of the singer group Coldplay, where their presence in Malaysia brought annoyance to Malaysians who are Muslims. This is because, this group always promotes LGBT at each of their concerts. Federal Territories Mufti Datuk Prof Madya Dr Luqman Abdullah advised the Malaysian community, especially Muslims, not to support the following concerts. This is because, the group Coldplay is against the moral values and character of society in this country, especially Muslims. This study discusses the concept of fatwa institutions found in the Islamic Law Administration Act (Federal Territories) 1984, Act 505 which is used in the Federal Territories and selected state enactments. In addition, this study also examines the role and function of the fatwa institution and looks at the extent to which fatwas issued are used. The method used is content analysis collected through acts, enactments, fatwas and literature studies in addition to analyzing existing research articles or journals. The study found that the view given by the Mufti of the Federal Territory is just a personal view because it is not gazette as stipulated in the Act or Enactment or Ordinance.

Keywords: *Fatwa, Mufti's View, Not Gazette*

PENDAHULUAN

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Prof. Madya Dr. Luqman Abdullah, menasihatkan orang ramai agar tidak memberikan sokongan kepada penganjuran ‘Konsert ‘Coldplay: Music of the Spheres World Tour’ yang dikatakan jelas bertentangan nilai murni dan budaya (Muhammad Yusri Muzamir, 2023) di negara ini kerana ‘band’ asal United Kingdom yang menyokong kumpulan LGBT (*Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender*) itu jelas bertentangan dengan nilai murni serta adat di Malaysia. Selain itu beliau juga menegaskan bahawa konsert tersebut tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada masyarakat Islam khususnya, pada 17 November 2023 melalui akhbar Berita Harian yang bertarikh 9 Oktober 2023.

Walau bagaimapun, ‘Konsert ‘Coldplay: Music of the Spheres World Tour’ telah dilaksanakan pada 22 Oktober 2023 lalu di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Kementerian Komunikasi dan Digital yang diwakili oleh Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil, dalam kenyataannya memaklumkan bahawa pihaknya melalui Jawatankuasa Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (JK-PUSPAL) telah meluluskan permohonan persembahan artis luar negara itu dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan (Maisarah Sheikh Rahim, 2023).

Beliau juga menyatakan bahawa pandangan yang diberikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan berkaitan dengan konsert tersebut hanyalah sekadar pandangan dari pihak Mufti

(pandangan peribadi) dan bukannya merupakan satu fatwa yang mengikat (Maisarah Sheikh Rahim, 2023).

Hal ini mendorong kontroversi dan kegusaran dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya yang beragama Islam. Pelbagai pandangan telah dicetuskan sehingga menjadikan ia satu fenomena yang dibahaskan pada waktu itu secara tidak formal di media massa dan “cerita di kedai kopitiam”. Artikel ini menerangkan apakah yang dipanggil sebagai Institusi Fatwa? Siapakah pihak-pihak yang terlibat di dalam institusi fatwa di Malaysia serta adakah pandangan yang diberikan oleh mufti tidak terpakai kepada masyarakat Islam di Malaysia jika isu tersebut menimbulkan kegusaran pada umat Islam pada waktu itu. Walaupun telah banyak artikel dan penyelidikan berkaitan fatwa telah dihasilkan, kemungkinan besar masih terdapat masyarakat belum mengetahui atau langsung tidak mengambil tahu akan kewujudannya. Lebih menyedihkan masih terdapat segelintir masyarakat kurang arif tentang fungsi dan peranan Institusi Fatwa di Malaysia pada hari ini.

Institusi mufti dan fatwa di Malaysia merupakan institusi agama Islam yang mempunyai peranan serta bertanggungjawab ekslusif dan khusus dalam menyelesaikan setiap persoalan yang berhubungkait dengan agama Islam dari sudut hukum syarak. Selain itu juga, institusi ini berperanan untuk menyelesaikan serta menjelaskan kesamaran, ketidakpastian dan kekeliruan bagi setiap perkara baru (*Ahkam al-Nawazil al-Fiqhiyah al-Mua’sirah*) (Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 2012) yang tidak ada di dalam nas *qat’i*. Selain itu, institusi ini diberikan mandat bagi di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Negeri untuk menasihati, membantu atau memberikan pandangan kepada Ketua Utama Negara iaitu Yang Di-Pertua Agong (YDPA) atau Sultan yang merupakan ketua agama Islam di Negeri-negeri mengenai hal-hal yang bersangkutan dengan Agama Islam seperti mana yang dinyatakan di dalam seksyen 33 Akta 505. Hal ini selaras dengan kedudukan serta martabat Islam itu sendiri, di mana Agama Islam bagi persekutuan merupakan elemen dan juga asas utama ketika Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

KUMPULAN COLDPLAY

Kumpulan *Coldplay* bermula di sebuah universiti di London sekitar 1996 dan bergerak dengan dua (2) anggota iaitu vokalis, Chris Martin dan Jonny Buckland (gitaris). Kumpulan itu pada awalnya dikenali sebagai *Pectoralz*. Nama kumpulan itu kemudian ditukar kepada *Star sh* dengan penambahan pemain bass, Guy Berryman. Pada 1998, pemain dram, *Will Champion* menyertai tiga (3) anggota lain yang akhirnya menamakan kumpulan tersebut sebagai *Coldplay* yang dianggotai oleh empat (4) penggeraknya (Utusan Malaysia, 2023).

Coldplay mengeluarkan album sulung mereka, ‘*Parachutes*’, pada tahun 2000 dan merupakan kejayaan besar serta-merta di United Kingdom (UK) dan di seluruh dunia. Album ini memenangi Anugerah *Grammy* untuk ‘Album Rock Terbaik’ pada tahun 2002. Sejak itu, *Coldplay* terus mengeluarkan album yang berjaya secara komersial dan mendapat pujian secara

Pandangan Mufti Tanpa Warta dalam Isu Konsert Kumpulan Coldplay adalah Pandangan Peribadi atau Fatwa: Satu Analisis

kritis. *Coldplay* terkenal dengan gaya muzik melankolis dan romantis mereka, serta vokal emosional Chris Martin. Mereka juga sering memasukkan elemen elektronik dan orkestra dalam muzik mereka. Beberapa lagu popular *Coldplay* termasuk ‘Yellow’, ‘Clocks’, ‘Viva la Vida’, ‘Fix You’, ‘Paradise’, dan banyak lagi.

Coldplay mengetengahkan genre muzik yang berunsurkan pop, pop rock, Rock Alternatif (*Alternative Rock*) iaitu kategori muzik yang lahir secara ‘*independent*’ bawah tanah pada tahun 1970-an dan menjadi sangat popular pada tahun 1990-an (Marsha Miranda dan Rizky Abrian, 2023) dan juga genre muzik yang berbentuk gabungan elemen antara alternatif rock dan pop rock iaitu *post-Britpop*. Kumpulan *Coldplay* dinyatakan menyatakan sokongan dan mempromosikan LGBT (*Lesbian, Gay, Biseksual* dan *Transgender*) pada setiap persembahan nyanyian mereka.

Coldplay telah menyatakan sokongan untuk komuniti LGBT dalam pelbagai cara sepanjang kerjaya mereka. Pada tahun 2016, kumpulan ini mendedikasikan lagu mereka ‘*Everglow*’ kepada mangsa penembakan kelab malam Orlando, yang menyasarkan individu LGBT terutamanya. Kumpulan ini juga telah menunjukkan sokongan mereka secara jelas berkaitan hak LGBT dan kesaksamaan dalam temu bual dan melalui kerja dermawan mereka. Menurut Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki dari Parit Buntar, kumpulan ini juga telah menunjukkan sokongan untuk hak LGBT dan kesaksamaan dan pada tahun 2017, *Coldplay* menderma USD9,000 untuk membantu organisasi LGBT di Australia berkempen untuk kesaksamaan perkahwinan (Dewan Rakyat, 2023). Di samping itu penyanyi utama *Coldplay* telah bersuara menyokong hak LGBT dan perkahwinan sejenis dalam pelbagai wawancara. Di samping itu, Chris Martin, penyanyi utama *Coldplay*, telah bersuara menyokong hak LGBT dan perkahwinan sejenis dalam pelbagai wawancara (PERKIM, 2023).

Menurut penulis PERKIM lagi, di dalam temu bual pada tahun 2016 dengan *Rolling Stone*, Chris Martin mencadangkan dengan menyatakan, “*Ini 2016 – mengapa kita masih bercakap tentang hak gay seolah-olah ia adalah satu hal yang buruk? Ia tidak sepatutnya menjadi isu. Ia sepatutnya hanya hak asasi manusia.*” Secara keseluruhannya, walaupun *Coldplay* mungkin bukan kumpulan LGBT, tetapi mereka secara khusus dan jelas telah menunjukkan sokongan mereka kepada komuniti dan komitmen mereka untuk mempromosikan kesaksamaan dan keterangkuman.

KONSEP INSTITUSI FATWA

Secara umumnya institusi Fatwa ini terbahagi kepada dua (2) iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Kedua-dua jawatankuasa Fatwa ini ditubuhkan di bawah Undang-undang tersendiri (Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 2012).

MAJLIS JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN (MJFK)

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana yang telah diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluarkan fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja (MRR). Sementara MKI yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri (Ketua Kerajaan) iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah merupakan badan penyelaras di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja (MRR) pada Mac 1968.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah bersidang buat pertama kalinya pada 23 hingga 24 Jun 1970 yang dipanggil dengan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tersebut berlangsung sebanyak lapan belas (18) kali dan yang terakhir diadakan pada 14 Mei 1980. Kemudiaannya penggunaan perkataan Persidangan ditukar kepada perkataan Muzakarah. Maka pada tarikh 28 hingga 29 Jun 1981 diadakan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Kali yang Pertama (JAKIM, 2018). Keanggotaan pertama Jawatankuasa Fatwa MKI bagi kali pertama dianggotai oleh enam belas (16) orang individu, berikut merupakan senarai anggota pertama Jawatankuasa Fatwa MKI.

Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) di bawah peruntukan Peraturan 11 adalah seperti berikut yang terdiri daripada

Peraturan 11. (a) Maka hendaklah ditubuhkan sebuah jawatankuasa Fatwa terdiri daripada ahli-ahli berikut;

- i. Seorang pengurus yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) di kalangan ahlinya;
- ii. Mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Agama Islam;
- iii. Sembilan (9) orang alim ulama dan kalangan professional* serta pakar-pakar muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja; dan
- iv. Seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

*Sains dan Perubatan, Farmaseutikal, Bioteknologi, Industri Halal, Muamalat dan Kewangan Islam seperti Takaful, Perbankan Islam dan Pasaran Modal.

Pandangan Mufti Tanpa Warta dalam Isu Konsert Kumpulan Coldplay adalah Pandangan Peribadi atau Fatwa: Satu Analisis

Jawatan	Nama Anggota Jawatankuasa Fatwa MKI
Pengerusi	Tan Sri Dato' Abd. Jalil Bin Hj. Hassan (Pengetua Kolej Islam Malaya Petaling Jaya)
Ahli (Lantikan Yang di-Pertuan Agong)	Dato' Mohammad Salleh Abas (Peguam Cara Negara)
	S.S Syed Yusof bin Ali Az-Zawawi (Mufti Terengganu)
	S.F Haji Nik Muhd Muhyiddin Haji Musa (Pengetua Kolej Islam Malaya Kelang)
	S.F Ustaz Mohammad Abu Bakar (Pensyarah Kanan Kolej Islam Malaya PJ)
	S.F Syeikh Mohamad Idris bin Abdul Rauf Al-Marbawi (Ulama dari Perak)
Ahli (Wakil Negeri Pulau Pinang)	S.F Sheikh Mahmud Haji Noh (Ulama dari Pulau Pinang/Kedah)
	S.S Dato' Haji Adnan Haji Hashim (Mufti Negeri Pulau Pinang)
Ahli (Wakil Negeri Melaka)	S.S Tuan Guru Haji Hassan bin Haji Abu Bakar (Mufti Negeri Melaka)
Ahli (Wakil Negeri Perak)	S.S Dato' Haji Abu Hassan bin Abdul Majid (Mufti Negeri Perak)
Ahli (Wakil Negeri Selangor)	S.S Dato' Haji Ghazali Haji Abdullah (Mufti Negeri Selangor)
Ahli (Wakil Negeri Sembilan)	S.S Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail (Mufti Negeri Sembilan)
Ahli (Wakil Negeri Perlis)	S.S Ustaz Salleh bin Othman (Mufti Negeri Perlis)
Ahli (Wakil Negeri Kelantan)	S.S Dato' Haji Muhammad Noor Haji Ibrahim (Mufti Negeri Kelantan)
Ahli (Wakil Negeri Johor)	S.S Dato' Haji Abdul Rahim Yunus (Mufti Negeri Johor)
Ahli (Wakil Negeri Terengganu)	S.F Dato' Perba Diraja Haji Wan Abdul Rahman Wan Long (Kadi Besar Terengganu)

Jadual 1 Keanggotaan Pertama MKI 1970

PERANAN DAN FUNGSI MAJLIS JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (JFMKBHEUIM) di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI). Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah ditubuhkan pada awal tahun 1970. Penubuhan MKI adalah melalui persidangan Majlis Raja-Raja yang berlangsung pada 1 Julai 1969. Majlis ini ialah sebuah badan kebangsaan bagi menyelaraskan kerja, aktiviti dan pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia. Negeri-

negeri yang menganggotai Majlis ini adalah Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak (Mohd Nazri, 2004).

Menurut Mohd Mohadis (2007) di dalam penulisan beliau *Pengurusan dan Penyelarasan fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia*, penubuhan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJF) bertindak sebagai sebuah institusi pengeluar fatwa peringkat kebangsaan di Malaysia dalam rangka menyelaras dan menyeragamkan keputusan fatwa di seluruh negara. Jawatankuasa ini merupakan badan dinyatakan paling sesuai dan juga berautoriti di dalam mengeluarkan fatwa di Malaysia (Muhammad Ikhlas, 2017). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa juga merupakan medium untuk membincangkan apa sahaja persoalan serta isu yang berbangkit terutamanya mengenai hukum syarak oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam.

Tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis ini ialah membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujukkan kepada Majlis oleh Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seseorang ahli majlis dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran seperti mana yang termaktub di dalam Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKBHEAIM).

Antara tugas Majlis ini juga ialah memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Islam Negeri atas perkara-perkara yang berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam dengan tujuan hendak membaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran (Hasnan Kasan, 2008). Ini menunjukkan bahawa MJFK memainkan peranan yang penting dalam memastikan keseragaman fatwa-fatwa yang dikeluarkan (Mohd Nazri, 2004). Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja (Mohd Hasrul, 2022). Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdiri daripada:

- a) Seorang pengurus yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) dalam kalangan ahlinya;
- b) Mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Agama Islam;
- c) Sembilan (9) orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja; dan
- d) Seorang ahli yang beragama Islam daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau daripada profesion undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Merangkap sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab menjadi pengeluar hukum atau fatwa, jawatankuasa ini perlu melalui beberapa kaedah penting dalam proses pengeluarnya. Antaranya menerusi mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI (JFMKI). Selepas jawatankuasa

Pandangan Mufti Tanpa Warta dalam Isu Konsert Kumpulan Coldplay adalah Pandangan Peribadi atau Fatwa: Satu Analisis

menerima arahan supaya mengeluarkan hukum berkenaan sesuatu isu tertentu hasil daripada mesyuarat yang telah dijalankan oleh Majlis Raja-Raja (MRR). Seterusnya, mesyuarat akan dilaksanakan diperingkat jawatankuasa fatwa pula dan setelah mendapat persetujuan daripada anggota mesyuarat, keputusan hukum tersebut akan dirafakkan kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja menerusi MKI. Keputusan hukum yang telah diterima oleh Majlis Raja-Raja seterusnya akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri (JAKIM, 2013). Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri tidak boleh sewenang-wenangnya meminda fatwa tersebut tanpa kebenaran rasmi dari pihak Majlis Raja-raja (Muhammad Ikhlas, 2017).

MAJLIS JAWATANKUASA FATWA NEGERI

Urusan fatwa juga menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dalam mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai fatwa di negeri masing-masing. Oleh itu, perkara-perkara yang bersangkutan dengan fatwa tercatat dalam setiap enakmen atau ordinan atau akta di tiap negeri di Malaysia sejak mula penggunaan enakmen atau ordinan atau akta tersebut dibuat. Jawatankuasa Fatwa di Negeri-negeri pula ditubuhkan untuk membantu Jabatan Mufti mengeluarkan sesebuah fatwa bagi pihak kerajaan negeri. Ianya dikanunkan dalam enakmen,ordinan atau akta yang ada pada peringkat negeri masing-masing di dalam Malaysia (Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran dan Hydzulkifli Hashim, 2013). Enakmen 6 Tahun 2008, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) dalam Bahagian III, Seksyen 10 sebagai salah satu contoh menjelaskan bahawa,

“Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Fatwa yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada Mufti di atas apa-apa persoalan yang belum muktamad berhubung Hukum Syarak”.

Kewujudan Majlis Jawatankuasa Fatwa ini menyebabkan timbulnya bidang kuasa yang tersendiri pada setiap negeri, maka perbezaan-perbezaan ini sememangnya akan timbul antara satu negeri dengan negeri yang lain. Oleh itu, pihak pemerintah yang menyedari perkara ini telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Majlis Kebangsaan. Menurut Laman Web Jabatan Mufti Negeri Perak misalnya,fungsi utama Majlis Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah membantu dan menasihati sultan dalam hukum syarak, memberi nasihat dan menjawab permasalahan hukum semasa (Jabatan Mufti Perak, 2023).

PENGELUARAN PANDANGAN FATWA OLEH JAWATANKUASA

Pengeluaran pandangan hukum atau fatwa oleh Jawatankuasa adalah melalui dua (2) cara iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI atas titah oleh Majlis Raja-Raja (MRR) dan Muzakarah Jawatankuasa Muzakarah MKI atas permohonan atau permintaan Masyarakat Islam (Mohd Hasrul,2022).

MESYUARAT JAWATANKUASA MUZAKARAH MKI ATAS TITAH MAJLIS RAJA-RAJA (MRR)

Menurut Mohd Hasrul Shuhairi (2022), proses pengeluaran hukum atau fatwa bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan supaya Jawatankuasa Fatwa MKI memberikan pandangan hukum ataupun fatwa tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Isu yang dikemukakan itu akan dikaji, serta perlu disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI.

Apabila Mesyuarat telah mengeluarkan pandangan hukum ataupun fatwa, maka pandangan hukum atau fatwa berkenaan akan *dirafa'kan* atau dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja (MRR) melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Pandangan hukum ataupun fatwa yang telah diperkenan oleh Majlis Raja-Raja (MRR) tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri tanpa boleh dipinda dan seterusnya diwartakan sebagai fatwa negeri berkenaan.

MUZAKARAH JAWATANKUASA MUZAKARAH MKI DI ATAS PERMOHONAN MASYARAKAT ISLAM

Proses pengeluaran hukum atau fatwa ini adalah melalui permohonan daripada masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu (1) kertas kerja berkaitan dan kemudiannya akan dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Pandangan hukum dan fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerima tanpa pindaan sebagai fatwa negeri dan seterusnya diwartakan. Pandangan hukum dan fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini juga akan *dirafa'kan* untuk perkenan Majlis Raja-Raja (MRR) melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Pihak-pihak tertentu yang pakar akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan dan taklimat terperinci supaya semua Ahli Jawatankuasa Fatwa MKI (kini disebut Jawatankuasa Muzakarah MKI, tanpa perkataan Fatwa) mendapat maklumat yang tepat bagi membuat dan memutuskan sebarang Keputusan (JAKIM, 2023; Mohd Hasrul, 2022).

PEMBAHAGIAN FATWA

Klasifikasi fatwa yang menjadi amalan di Malaysia boleh dilihat dalam tiga (3) bentuk (Mohamad Najib, 2022). Pertama ialah fatwa rasmi yang dikeluarkan sama ada oleh mufti sendiri atau majlis melalui Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak. Kemudian diwartakan di dalam Warta Kerajaan melalui peruntukan Akta Pentadbiran Undang- Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 AKTA 505 di bawah Seksyen 34.

Pandangan Mufti Tanpa Warta dalam Isu Konsert Kumpulan Coldplay adalah Pandangan Peribadi atau Fatwa: Satu Analisis

Fatwa yang diwartakan ini merupakan fatwa yang diakui oleh mahkamah dan mengikat semua pihak dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan. Fatwa ini juga dikenali sebagai Fatwa Warta. Oleh itu, fatwa kategori pertama ini mempunyai implikasi perundangan apabila sudah diwartakan dan mengikut prosedur-prosedur tertentu berdasarkan peruntukan perundangan setiap negeri melalui *Tatacara Pembuatan Fatwa*. Tindakan perundangan akan dikenakan bagi individu atau pihak yang melanggar fatwa tersebut dan boleh didakwa di bawah Seksyen 9 dan juga Seksyen 12 Akta 505 di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) khususnya bagi Wilayah-wilayah Persekutuan.

Kategori yang kedua juga merupakan fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh mufti bersama Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak melalui persidangan atau perbincangan namun fatwa itu tidak diwartakan di dalam Warta Kerajaan bagi sesuatu Negeri.

Fatwa bagi kategori ini tidak berkuat kuasa ke atas mana-mana individu, badan atau mahkamah. Ia hanyalah sebagai jawapan atau penjelasan kepada orang yang masih tidak jelas mengenai sesuatu hukum secara peribadi. Fatwa ini dikenali sebagai Fatwa Tidak Warta. Kategori ketiga ialah pendapat yang diberikan oleh mufti secara perseorangan atau fatwa yang dikeluarkan sendiri oleh mufti tanpa melalui Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak atau penjelasan hukum dari pembantunya atau pegawai-pegawai penyelidiknya dengan kebenaran dari Mufti. Jadual di bawah adalah ringkasan mengenai pengelasan fatwa

Jenis Fatwa	Maksud	Implikasi Perundangan	
Fatwa Warta (Diwartakan)	Fatwa Rasmi	Fatwa yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dan diwartakan melalui warta kerajaan.	Sebagai undang-undang dan semua orang Islam di negeri tersebut terikat dengan fatwa tersebut.
Fatwa Tidak Warta	Fatwa Rasmi	Fatwa yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dan diputuskan untuk tidak diwartakan.	Tidak dijadikan sebagai undang-undang tetapi sebagai panduan dan penjelasan hukum.
Pandangan Hukum atau Fatwa Persendirian	Fatwa Tidak Rasmi	Jawapan-jawapan lisan atau bertulis Mufti atau pembantunya yang dijawab secara langsung	

		atau pada tempoh-tempoh yang tertentu kepada pihak-pihak yang bertanya dan memohon fatwa tentang masalah agama.	
--	--	---	--

Jadual 2 Ringkasan Pengelasan Fatwa

HASIL DAPATAN

Secara asas, pengelasan fatwa-fatwa yang telah dinyatakan adalah berperanan sebagai suatu pandangan hukum untuk memberi penjelasan mengenai persoalan agama. Namun sebahagiannya boleh mengikat sesuatu pihak apabila melalui beberapa proses dan diwartakan mengikut peruntukan perundangan setiap negeri.

Walau bagaimanapun, masyarakat Islam dinasihatkan agar mengikuti segala pandangan hukum atau penjelasan permasalahan berkaitan hukum hakam kehidupan harian walaupun tidak mengikat mana-mana individu secara perundangan. Perkara ini ditegaskan oleh para ulama bahawa kedudukan fatwa mufti berperanan besar dalam pengukuhan hukum syarak sebagai panduan untuk masyarakat. Seperti firman Allah SWT di dalam Surah al-Nahl ayat 43:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسْتَأْتُوا أَهْلَنَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٤٣

Maksudnya: “Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui”.

(Al-Nahl 16: 43)

Hal ini juga selari dengan kaedah yang dibahaskan oleh para ulama:

مَذْهَبُ الْعَامِيِّ فَتْوَى مُفْتِيهِ

Maksudnya: “Mazhab orang awam berdasarkan fatwa muftinya”.

Maka, difahami, apabila kita menetapkan satu-satu mazhab dalam negara, tujuannya ialah untuk menyelesaikan sesuatu isu dengan harmoni berdasarkan mazhab yang muktabar juga, yakni mazhab al-Syafie, agar khilaf tidak berpanjangan dan matatjahkan perkara yang buruk, tanpa menafikan kewujudan mazhab-mazhab lain.

Pandangan yang diberikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Prof Madya Dr Luqman Abdullah dengan menasihatkan orang ramai agar tidak memberikan sokongan kepada penganjuran ‘Konsert ‘Coldplay: Music of the Spheres World Tour’ yang dikatakan jelas bertentangan nilai murni dan budaya (Muhammad Yusri Muzamir, 2023) di negara ini kerana ‘band’ asal United Kingdom yang menyokong kumpulan LGBT (*Lesbian, Gay, Biseksual dan*

Pandangan Mufti Tanpa Warta dalam Isu Konsert Kumpulan Coldplay adalah Pandangan Peribadi atau Fatwa: Satu Analisis

Transgender) itu jelas bertentangan dengan nilai murni serta adat di Malaysia hanyalah sekadar pandangan peribadi yang diletakkan dibawah kategor ketiga iaitu Pandangan Hukum atau Fatwa Persendirian iaitu jawapan-jawapan lisan atau bertulis oleh Mufti atau pembantunya yang dijawab secara langsung atau tidak langsung atau pada tempoh-tempoh yang tertentu kepada pihak-pihak yang bertanya dan memohon fatwa tentang masalah hukum syarak atau agama. Kategori ini tidak mengikat mana-mana pihak dan tidak dijadikan sebagai undang-undang tetapi sebagai panduan dan penjelasan hukum sahaja.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kesemua perbincangan di atas adalah bertumpu ke arah fatwa-fatwa yang diwartakan atau tidak diwartakan melalui Warta Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa mempunyai dua (2) kategori iaitu fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Manakala satu lagi dikenali sebagai Pandangan Hukum atau Fatwa Persendirian di mana ia merupakan jawapan secara lisan atau secara bertulis oleh Mufti atau pembantunya yang dijawab secara langsung atau pada tempoh-tempoh yang tertentu kepada pihak-pihak yang bertanya dan memohon fatwa tentang masalah agama (hukum). Jenis Fatwa ini tidak mempunyai autoriti untuk dikuatkuasakan selain berupa penjelasan kepada pihak yang mengajukan permasalahan berkenaan Sahaja. Ia juga hanya juga merupakan satu pandangan atau nasihat yang diberikan oleh Mufti pada waktu-waktu tertentu.

Pandangan yang diberikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan pada ketika itu hanyalah satu nasihat dan juga pandangan kepada pihak kerajaan yang mentadbir dan juga pihak penganjur serta rakyat Malaysia untuk tidak bersetuju dengan kehadiran Kumpulan ‘*Coldplay*’ disebabkan atas sebab-sebab tertentu antaranya kumpulan ini, walaupun secara umumnya bukanlah orang yang mengamalkan budaya LGBT tetapi kumpulan ini secara terang-terangan menyatakan sokongan kepada komuniti LGBT dengan berbagai bentuk. Hal ini disebabkan budaya dan adat serta pegangan agama Islam dikalangan orang Malaysia menolak budaya LGBT ini. Maka, pandangan yang diberikan oleh Mufti pada ketika itu hanyalah satu pandangan hukum atau fatwa persendirian yang diberikan disebabkan faktor-faktor yang boleh menimbulkan ketidaksenangan masyarakat Malaysia terutamanya Masyarakat Islam. *Allahu a'lam*.

RUJUKAN

- Dewan Rakyat Parlimen Kelima Belas Penggal Kedua Mesyuarat Ketiga (Naskah Belum Semak) Bil. 75. 2023, Halaman 63. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-22112023.pdf>
- Hasnan K..2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM.
- Jabatan Mufti Perak. 2023. <https://mufti.perak.gov.my/mengenai-kami>
- JAKIM. 2013. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam. Diakses pada 6 Februari 2013 dari <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasafatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysiaayat>,
- B. (2002). Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 10(1), 39–52.

- JAKIM. 2023. *Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.* http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan
- Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. 2019. e-smaf: *Fatwa.* http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan
- Maisarah Sheikh Rahim. 2023. Konsert Coldplay Diteruskan, Mufti Hanya Beri Pandangan, Bukan Fatwa. Dilayari pada 22 November 2023 , <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/konsert-coldplay-diteruskan-mufti-hanya-beri-pandangan-bukan-fatwa/>
- Marsha Miranda dan Rizky Abrian. 2023. *Pengaruh Musik Rock Alternatif Dalam Ekspresi Emosi: Studi Kasus Pada Lagu 'Disenchanted' Oleh My Chemical Romance.* Vol. 1 No. 5 (2023): Argopuro: Jurnal Multidisiplin Ilmu Bahasa. <Https://Doi.Org/10.6734/Argopuro.V1i5.1396>
- Mohamad Najib. 2022. *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-669: Perbezaan Fatwa Warta Dan Fatwa Tidak Warta.* <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5139-irsyad-al-fatwa-siri-ke-669-perbezaan-fatwa-warta-dan-fatwa-tidak-warta>
- Mohd Hasrul Shuhairi. 2022. Berilah Respon secara tertib. Metro. Mei 2022. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/05/844988/berilah-respon-sekara-tertib>
- Mohd Nazri A. 2004. *Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Fatwa-Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.* Disertasi Sarjana Syariah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Muhammad Ikhlas Roselei. 2017. *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Di Malaysia: Peranan Dan Relevansi Penubuhannya.* Journal of Fatwa Management and Research. VOL. 10: NO. 1 ISSN: 2232-1047 eISSN: 0127-8886.
- Muhammad Yusri Muzamir. 2023. Masyarakat dinasihat tidak sokong konsert Coldplay: Mufti. 2023. Dilayari pada 18 November 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1178461/masyarakat-dinasihat-tidak-sokong-konsert-coldplay-mufti>
- PERKIM. 2023. *Konsert Coldplay Di Kuala Lumpur Berunsur LGBT? Jauhi Perkara Yang Syubhah Dan Melalaikan:* <https://perkimdk.com/konsert-coldplay-di-kuala-lumpur-berunsur-lgbt-jauhi-perkara-yang-syubhah-dan-melalaikan/>
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman. 2012. *Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, USIM Dewan Senat : Siri Kedua: Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia : Peraturan dan Amalan.* 2012. Institut Pengurusa dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dengan Kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran Maohamad dan Hydzulkilfi Hashim Omar. 2013. *Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri: Satu Analisis Persamaan Dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000–2009.* IJMS 20 (2), (129-148) (2013)

STATUT

Akta 505, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)